

## **BAB 2 : INTERAKSI ANTARA PELBAGAI TAMADUN ( MELAYU, CINA, INDIA DAN PERIBUMI )**

### **1. FAKTOR-FAKTOR INTERAKSI ANTARA TAMADUN**

- a. Kepimpinan
- b. Peranan Golongan Agamanwan
- c. Geografi
- d. Perkahwinan
- e. Perdagangan
- f. Misi Politik

### **2. NILAI-NILAI UNIVERSAL DALAM TAMADUN : UMUM DAN KHUSUS ( con merangkumi Melayu, Cina, India dan Peribumi )**

- a. Semua tamadun berasaskan kepada ketuhanan dan kerohanian
- b. Menekankan aspek kemanusiaan.
- c. Mementingkan institusi kekeluargaan.
- d. Beretika dalam aspek kehidupan.
- e. Kepimpinan yang berteraskan keadilan dan kebijaksanaan.
- f. Menghargai alam sekitar.

### **3. PERSAMAAN DALAM SEJARAH DALAM KONTEKS MALAYSIA**

- a. Teologi
- b. Etika
- c. Politik dan Kerajaan
- d. Institusi

### **4. PERBEZAAN DALAM SEJARAH DALAM KONTEKS MALAYSIA**

- a. Teologi
- b. Etika
- c. Politik dan Kerajaan
- d. Institusi

### **5. CONTOH-CONTOH INTERAKSI DALAM SEJARAH DALAM KONTEKS MALAYSIA**

#### **5.1 INTERAKSI DENGAN TAMADUN INDIA**

- a. Bahasa
- b. Kesenian
- c. Kesusasteraan

#### **5.2 INTERAKSI DENGAN TAMADUN CINA**

- a. Kebudayaan
- b. Kesenian

- c. Kesusasteraan

### 5.3 INTERAKSI DENGAN TAMADUN ARAB

- a. Kesusasteraan

### 5.4 INTERAKSI DENGAN TAMADUN PERIBUMI

- a. Kesusasteraan

## **6. KESAN INTERAKSI ANTARA TAMADUN**

### 6.1 KESAN POSITIF

- a. Perlembagan
- b. Dasar Pendidikan Negara
- c. Dasar Intergrasi Nasional
- d. Bahasa Melayu sebagai alat perpaduan
- e. Perkembangan ilmu dan teknologi

### 6.2 KESAN NEGATIF

- a. Jurang perbezaan ekonomi
- b. Kesan sosial
- c. Pencapaian yang tidak seimbang , con dalam pendidikan.

## **BAB 2 : INTERAKSI ANTARA PELBAGAI TAMADUN ( MELAYU, CINA, INDIA DAN PERIBUMI )**

### **1. FAKTOR-FAKTOR INTERAKSI ANTARA TAMADUN**

#### **a. Kepimpinan**

- Faktor penting yang mempengaruhi interaksi
- Jika pemimpin atau raja bersikap adil dan toleran → interaksi akan berlaku dalam aman dan sebaliknya.
- Contoh pemimpin yang toleransi :
  - i. Nabi Muhammad saw – tidak sekat orang Yahudi dan Kristian dalam pemerintahan Madinah sebaliknya hak mereka dilindungi undang-undang.
  - ii. Kerajaan Islam Ghaznawi, Delhi dan Moghul ( India ) – toleransi kepada penganut Hindu malah pegawai dilantik di kalangan mereka.
- Contoh pemimpin yang tidak bertoleransi:
  - i. Sultan Shamsuddin Altamish ( India ) – bertindak keras terhadap penganut Hindu
  - ii. Han Wu Ti ( Dinasti Han ) – dasar memihak kepada cendekiawan Konfusianisme berbanding sami Buddha.

#### **b. Sikap Golongan Agamawan**

- Seperti sami, paderi dan alim ulama
- Biasanya mereka berusaha mewujudkan suasana harmoni dan memberi penekanan sifat keinsanan.
- Contohnya sikap dan akhlak mulia yang ditonjolkan ulama Islam di Alam Melayu memudahkan interaksi dan islamisasi berlaku. Merekalah yang berjaya memberi tasawur Islam sebenar kepada penduduk Alam Melayu. Mereka telah mendirikan pendidikan formal, antaranya institusi yang dikenali sebagai pondok atau *pesantren* ( Jawa ) dan *dayah* ( Aceh ). Hasilnya lahirlah ulama di AM seperti Hamzah Fansuri, Abdul Rauf al-Singkeli, Wali Songo dll.
- Namun ada juga sikap golongan agamawan yang mencetuskan konflik, contoh :
  - i. Paus Urban II dalam perjumpaan besaran dengan penganut Kristian di Perancis 1095M seru berperang dengan orang Islam yang dikatakan zalim ke atas penganut Kristian.
  - ii. Pemerintahan Dinasti Han – ramai sami dan penganut Buddha ditangkap dan dipenjarakan.

#### **c. Geografi**

- Bentuk mukabumi dan kemudahan perhubungan memainkan faktor interaksi.
- Contoh:
  - i. Cina – interaksi pesat kerana ada 2 laluan iaitu jalan sutera darat dan jalan laut. Contoh interaksi dengan Negara Arab telah berlaui sejak 3M lagi, dihubungkan dengan jalan sutera darat yang merentasi Khurasan, Samarqand, Xinjiang hingga ke Peking dan juga jalan laut merentasi Laut Arab ke Benua Kecil India, Kepulauan Melayu hingga ke Canton di tenggara China. Laluan ini membolehkan kedua negara ini berinteraksi dan menjalankan aktiviti perdagangan. Terdapat catatan mengatakan kapal-kapal China telah pun sampai di teluk Parsi dan berdagang di Pelabuhan Siraf pada 5M.

- ii. Pelabuhan Melaka – kedudukan yang strategik dan terlindung dari angin monsun menjadikannya tempat tumpuan dan persinggahan para pedagang.

#### **d. Perkahwinan**

- Faktor ini turut memainkan peranan penting
- Contoh di Alam Melayu – interaksi penduduk tempatan dengan pedagang Arab berlaku menerusi faktor ini. Sementara menunggu angin monsun berbulan lamanya, terdapat di kalangan pedagang yang berkahwin dengan penduduk tempatan. Melalui proses ini secara tidak langsung, proses islamisasi berlaku kerana bagi membolehkan mereka berkahwin dengan pedagang Arab yang beragama Islam, wanita tersebut diislamkan terlebih dahulu. Setelah kahwin, kebiasaannya keluarganya pun akan memeluk Islam. Terdapat juga pedagang yang berkahwin dengan puteri pemerintah tempatan dan perkahwinan antara wanita Islam dengan lelaki bukan Islam seperti perkahwinan Megat Iskandar Shah dengan Puteri Pasai.

#### **e. Perdagangan**

- Contoh:
  - i. Hubungan perdagangan antara Arab dan China berlaku sejak 3M lagi dan rancak pada abad 8M melalui jalan darat dan laut. Pedagang Arab dan Parsi telah membuat penempatan seperti di Kwang Cho ( Canton ), Chang Chow dan Chuan Cow. Mereka juga telah mendirikan masjid di Guangzhou dan Guanzhou dan seterusnya berlakulah islamisasi di sini.
  - ii. Interaksi tamadun Alam Melayu ( AM ) / Asia Tenggara dengan Negara Arab - w/pun peringkat awal pedagang Arab berdagang ke China, mereka terpaksa singgah ke AM untuk menunggu angin yang sesuai sebelum ke China atau pulang ke Arab. Justeru itu berlakulah interaksi antara mereka dan secara tidak langsung berlakulah proses islamisasi di sini sebagaimana catatn Marco Polo tentang pengislaman Perlak 1292M; pedagang berjaya memujuk penduduk Perlak masuk Islam. Selain berdagang mereka berdakwah mengembangkan Islam atas anjuran hadis : "*Sampaikan dariku w/pun satu ayat.*"
  - iii. Interaksi Tamadun India dengan Alam Melayu / Asia Tenggara – interaksi bermula sejak kurun pertama masihi lagi. Nama wilayah Asia Tenggara yang tersebut dalam kitan ramayana ialah Suvarnadvipa ( semenanjung Emas ) dan Suvarnabhumi ( Bumi Emas ).

#### **f. Misi Politik**

- Faktor ini turut menggalakkan interaksi berlaku dalam suasana harmoni.
- Contoh:
  - i. Hubungan diplomatik antara Alam Melayu ( AM ) dengan China - Menurut teori Islam ke AM dari China, berdasarkan catatan sejarah pada abad ke 15M Melaka telah buat hubungan diplomatik dengan China pada 1404. Pada tahun-tahun berikutnya Melaka telah menerima beberapa utusan dan begitu juga sebaliknya. Tujuan Melaka mengadakan hubungan baik dengan China adalah untuk melindunginya dari ancaman Siam. Pada awalnya, China telah menghantar Laksamana Cheng Ho yang beragama Islam bagi melaksanakan tujuan ini. Dasar perlindungan China terhadap negeri-negeri di AM yang bertujuan politik dan dakwah Islam, secara tidak langsung menggalakkan islamisasi di sini. Perlindungan terhadap Melaka juga memberikan impak yang sama terhadap negeri-negeri di Kepulauan Melayu yang lain seperti Kedah, Johor, Kampar dsb.

**2. NILAI-NILAI UNIVERSAL DALAM TAMADUN : UMUM DAN KHUSUS**  
( con merangkumi Melayu, Cina, India dan Peribumi )

**a. Semua tamadun berasaskan kepada ketuhanan dan kerohanian**

i.	<b>Melayu ( Islam )</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tamadun bertunjang dan berpaksikan kepada konsep tauhid. Ini bermaksud bahawa agama/ tauhid merupakan intipati dalam kehidupan bertamadun.</li> <li>• Justeru itu asas dalam bertamadun adalah akidah, syariah dan akhlak yang merupakan komponen dalam agama Islam itu sendiri.</li> <li>• Sumber dalam tamadun - sumber naqli ( wahyu ) menjadi sumber asas manakala sumber aqli ( akal ) merupakan sumber sekunder yang mana ketetapanannya mestilah tidak bercanggah dengan sumber asas ( naqli ).</li> <li>• Aspek kerohanian amat dipentingkan. Kerohanian ( spiritual ) dan kebendaan ( material ) mestilah seimbang dan bersepadu.</li> <li>• Matlamat utamanya ialah mencapai keredhaan Allah, manakala material berfungsi sebagai wasilat/alat penghubung dalam mencapai matlamat utama tersebut.</li> </ul>
ii	<b>Cina</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Percaya kepada konsep ketuhanan.</li> <li>• Terdapat banyak agama yang dianuti dalam masyarakat Cina seperti Penyembahan Nenek Moyang, Konfusius, Daoisme/Taoisme dan Buddhisme. Kesemua agama ini menekankan konsep ketuhanan ( kecuali Buddhisme ) dan kerohanian yang menjanjikan balasan baik bagi perbuatan baik dan sebaliknya.</li> <li>• Dalam kosmologinya terdapat konsep <i>tian</i> yang bermaksud langit iaitu merujuk kepada dewa yang terpenting ( wujudnya tuhan ). Dalam Dinasti Chou, <i>tian</i> merujuk kepada makhluk unggul di langit (<i>supreme being</i>) yang mengatur perjalanan hidup dan nasib seseorang, menentukan keamanan dan kesejahteraan serta memberi balasan baik dan buruk (ia juga mungkin menyebabkan kemudaratan sebagai hukuman terhadap insan yang berkelakuan salah). Kepercayaan terhadap konsep ini, mendorong masyarakat mereka mengawal tingkahlaku bagi mengelakkan dari mendapat balasan dari <i>tian</i>.</li> </ul>
iii	<b>India</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Hindu – menekankan konsep ketuhanan dan kerohanian. Percaya kepada konsep trimurti –Brahma (Tuhan Pencipta ), Vishnu ( Tuhan Pemelihara ) dan Siva ( Tuhan Pemusnah ). Namun begitu kuasa agung bagi mereka adalah Brahma yang bersifat sat kit ananda.</li> <li>• Buddha tidak menekankan konsep ketuhanan kerana ia lahir kerana tidak puashati terhadap sistem kasta. Andai ditekankan mereka takut akan muncul golongan Brahmin sebagai</li> </ul>

		<p>perantara Tuhan. Justeru itu ia hanya menekankan konsep kerohanian.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kedua agama ini - percaya kepada konsep karma dan kelahiran semula, di mana seseorang akan hidup semula mengikut balasan perlakuan mereka. Justeru itu mereka perlu sentiasa berbuat baik untuk mendapat karma yang baik di dalam kelahiran yang baru..</li> </ul>
iv	<b>Peribumi</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Secara umumnya bersifat animisme dan bercampur dengan pengaruh Hindu-Buddha.</li> <li>• Percaya wujudnya kuasa agung dengan pelbagai gelaran dan manifestasi. Bagi masyarakat asli percaya menggelarnya moyang, jenang, tohan dsb. Manakala bagi masyarakat Kadazan/Dusun menganggap Kinorohingan dan Suminundu sebagai kuasa agung.</li> <li>• Turut mempercayai kuasa-kuasa lain seperti petir, naga dan sebagainya yang sentiasa mengawasi perlakuan mereka.</li> <li>• Seandainya mereka berbuat sesuatu yang menyalahi kepercayaan dan adat mereka, dipercayai kuasa ghaib ini akan memberi balasan seperti banjir dsb.</li> <li>• Turut mempercayai adanya hari pembalasan terhadap kelakuan ketika hidup di dunia</li> <li>• Kepercayaan kepada wujudnya kuasa ghaib ini mendorong mereka menjaga perlakuan mereka.</li> <li>• Selain itu, kelakuan mereka turut dipengaruhi dengan adat dan pantang larang</li> <li>• Sistem kepercayaan dan adat ini - menekankan perilaku yang baik antara manusia dengan tuhan, sesama manusia, binatang dan alam nyata dan ghaib akan berlaku keharmonian hidup.</li> </ul>

**b. Menekankan aspek kemanusiaan.**

i.	<b>Melayu ( Islam )</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Selain dari perlunya hubungan yang baik dengan Allah ( hablu minallah ), masyarakat Islam juga perlu berbuat baik sesama manusia ( Hablu minannas ).</li> <li>• Diikat dengan <i>ukhwah Islamiah</i>, semua manusia adalah sama di sisi Allah kecuali orang yang bertaqwa.</li> <li>• Islam menetapkan agar sentiasa menjaga akhlak antara sesama manusia yang merangkumi akhlak dengan ibubapa, guru, kawan, jiran, sesama Islam dan bukan Islam, malah akhlak terhadap musuh Islam juga perlu dijaga.</li> <li>• Juga diikat dengan hak dan tanggungjawab sesama manusia.</li> <li>• Hubungan yang baik sesama manusia perlu dijaga, malah andainya seorang Islam tidak mempunyai hubungan yang baik dengan manusia yang lain walaupun mempunyai hubungan yang baik dengan Allah, dia tidak dikira sebagai ahli syurga. Antaranya bagaimana Rasulullah menyatakan seorang yang menyakiti jiran walaupun banyak ibadatnya kepada Allah sebagai ahli neraka.</li> </ul>
----	-------------------------	--

		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mafhum hadis : perlunya berkasih sayang sesama makhluk di dunia untuk mendapat kasih sayang di langit.</li> <li>• Dalam konteks pergaulan juga, syariat diturunkan agar kepentingan 5 hak asasi manusia terlaksana ( hak beragama, akal, nyawa, harta benda dan maruah ) – memperlihatkan Islam menekankan nilai kemanusiaan.</li> </ul>
ii	<b>Cina</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Konfusius – menekankan konsep <i>ren/jen</i> iaitu kasih sayang dan juga sifat perikemanusiaan. Ia merangkumi kasih sayang terhadap diri sendiri dan juga kepada orang lain. Nilai dalam <i>ren</i> ini membezakan antara manusia dan haiwan. Dengan nilai ini manusia didorong untuk melakukan kebaikan, baik hati dan pemurah sehingga wujud keharmonian masyarakat. Konsep ini juga mendidik masyarakat Cina agar memperbaiki diri terlebih dahulu, justeru itu untuk asas konsep ini ialah <i>chung</i> ( buat perkara positif terhadap orang lain apa yang kita suka orang buat kepada kita ) dan <i>shu</i> ( jangan buat perkara negatif sebagaimana kita tidak suka orang lain buat perkara tersebut kepada kita ).</li> <li>• Moisme – Percaya kepada cinta sejagat (<i>universal love</i>) tanpa mengendahkan hubungan keluarga dan kedudukan. Manusia harus mencintai orang lain seperti menyayangi diri sendiri. Perbuatan menyayangi boleh mengelakkan perselisihan dan jenayah serta menajadikan dunia aman.</li> </ul>
iii	<b>India</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Peningkatan aspek kemanusiaan</li> <li>• Kepercayaan kepada konsep <i>karma</i> ( undang-undang balasan ) dan kelahiran semula – mendorong mereka berbuat baik sesama manusia. Ini adalah kerana andai mereka berbuat tidak baik, mereka akan dihidupkan semula dengan penuh kehinaan dalam kelahiran baru mereka.</li> <li>• Konsep <i>Ahimsa</i> – tidak boleh membunuh sesuatu yang bernyawa walaupun binatang untuk mengisi perut – melahirkan konsep kasih sayang sesama manusia dan mengelakan penindasan dan kekejaman berlaku.</li> </ul>
iv	<b>Peribumi</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perhubungan sesama manusia agar bersifat jujur dan amanah dikawal dengan konsep <i>tenghaak</i> iaitu balasan buruk yang akan menimpa ketika di dunia lagi.</li> <li>• Terdapat pelbagai adat dan pantang larang yang antara lain bertujuan agar terjalin hubungan baik dan harmoni sesama manusia.</li> <li>• Kaya dengan nilai-nilai murni seperti amalan perkongsian, menghormati orang tua dan sentiasa jujur.</li> </ul>

**c. Mementingkan institusi kekeluargaan.**

i.	<b>Melayu ( Islam )</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pentingkan institusi perkahwinan, berkahwin ikut sunnah nabi kerana ia akan meramaikan generasi Islam.</li> <li>• Perlu membina keluarga yang sakinah kerana di situ lahirlah individu yang berjati diri mukmin sebenar sebagai generasi pembina tamadun.</li> <li>• Terdapat syariat – <i>munakahat</i> dalam mengatur undang-undang, hak dan tanggungjawab di dalam institusi keluarga seperti hak dan tanggungjawab suami terhadap isteri dan sebaliknya, hak dan tanggungjawab ibu bapa terhadap anak-anak dan sebaliknya.</li> <li>• Tanggungjawab anak mentaati kedua ibu bapa diletakkan selepas taatkan Allah dan rasul.</li> <li>• Mafhum hadis : <i>Janganlah kamu campakkan diri dan keluargamu dalam api neraka</i> - penekanan terhadap tanggungjawab bersama keluarga.</li> </ul>
ii	<b>Cina</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Masyarakat tradisional Cina mementingkan konsep kekeluargaan. Mereka menekankan konsep <i>wu lun</i> atau “lima hubungan” yang merupakan lima hubungan asas manusia yang harus dikekalkan bagi membentuk kestabilan masyarakat dan kesejahteraan negara. Antara 3 bentuk hubungan dalam ini adalah berkait dengan institusi kekeluargaan iaitu : <ul style="list-style-type: none"> <li>➢ Antara suami dan isteri</li> <li>➢ Antara bapa dan anak (keluarga dan anak-anak)</li> <li>➢ Antara adik beradik</li> </ul> </li> <li>• Hubungan ini bersifat dua hala iaitu golongan tertinggi ( ibu bapa) mempunyai tanggungjawab dan menjaga orang bawahnya (anak-anak). Golongan bawah pula harus menurut perintah. Konsep ketaatan anak ini atau <i>hsiao</i> (filial piety) amat dipentingkan dalam masyarakat mereka. Ia merujuk kepada tanggungjawab anak kepada ibu bapa antaranya ialah seorang itu harus mempunyai anak yang dapat mengekalkan keturunan keluarga. Justeru itu dalam ajaran Konfucius institusi perkahwinan ditekankan kerana ia mempunyai tujuan utama dalam melahirkan generasi akan datang. Kesalahan terbesar seorang anak ialah tidak melahirkan generasi akan datang kerana beliau akan memutuskan atau memupuskan keturunan generasi orang tuanya.</li> <li>• Kesetiaan kepada ibu bapa melahirkan amalan penyembahan nenek moyang.</li> </ul>
iii	<b>India</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Unit penting dalam tamadun</li> <li>• Matlamat – bentuk sistem sokongan yang berbentuk fizikal dan kerohanian di samping menjadi penerus zuriat keturunan.</li> <li>• Dalam <i>asramadharm</i> ( peringkat hidup ) - peringkat kedua ialah <i>grhastha</i> iaitu peringkat berumah tangga. <ul style="list-style-type: none"> <li>➢ Sebelum berkahwin, diharapkan dapat menghasilkan</li> </ul> </li> </ul>

		<p>kekayaan yang secukupnya.</p> <p>➤ Memelihara keharmonian keluarga merupakan tanggungjawab utama dalam tahap ini</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ikatan kasih sayang penting dalam keluarga.</li> <li>• Orang yang berumahtangga dianggap sebagai teras masyarakat kerana golongan inilah yang akan bertanggungjawab melindungi serta menyara golongan manusia yang lain.</li> </ul>
iv	<b>Peribumi</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Wujud pelbagai adat dalam pemilihan jodoh dan perkahwinan mengikut sesuatu kaum – menunjukkan institusi keluarga amat penting.</li> <li>• Perlunya anak mentaati dan tidak derhaka kepada orang tua – dikawal dengan konsep <i>tulah</i>. Konsep ini percaya bahawa seorang yang derhaka akan mendapat balasan ketika di dunia lagi.</li> <li>• Dalam masyarakat Iban misalnya amat menekankan konsep tanggungjawab dan keberanian seorang lelaki sebagai syarat untuk berkahwin agar dapat melindungi anak gadis. Tradisinya amalan <i>ngayau</i> menjadi kayu pengukur kriteria ini.</li> </ul>

**d. Beretika dalam aspek kehidupan.**

i.	<b>Melayu ( Islam )</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Syariat diturunkan Allah sebagai panduan dan mengatur kehidupan agar harmoni.</li> <li>• Ianya mengatur hubungan manusia dengan Allah ( Ibadat ) dan hubungan manusia sesama manusia – muamalat, munakahat, jinayat.</li> <li>• Akhlak – sistem nilai yang menjamin kehidupan yang beretika</li> <li>• Akhlak bersifat syumul – akhlak dengan Allah, Rasulullah, sesama manusia ( ibubapa, guru, jiran, bukan Islam dsb ) dan alam ( haiwan dan tumbuhan )</li> <li>• Rasulullah diutus sebagai model akhlak yang terbaik kepada manusia.</li> </ul>
ii	<b>Cina</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Amat menekankan konsep moral dan etika yang perlu dipatuhi masyarakat</li> <li>• Konfusius – menekankan konsep <i>li</i> iaitu peraturan akhlak dan peraturan kehidupan iaitu: <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Peraturan perhubungan manusia dengan tuhan.</li> <li>ii. Peraturan perhubungan manusia dengan manusia.</li> <li>iii. Peraturan perhubungan politik</li> </ul> </li> <li>• Konfusius menekankan konsep <i>zhong yong</i> iaitu kesederhanaan, segala perlakuan manusia perlulah bersederhana dan tidak setuju kekerasan sebagai jln penyelesaian.</li> </ul>
iii	<b>India</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pentingkan etika yang mereka gelar sebagai <i>dharma</i> iaitu peraturan moral bagi menentukan apa yang harus dilakukan oleh seseorang. Terdapat tiga jenis dharma, antaranya</li> </ul>

		<p><i>Sadharna dharma</i> – menekankan sifat-sifat am yang perlu bagi semua manusia seperti kebenaran, kesabaran, memaafkan, kawalan minda, tidak mencuri, kebersihan, tidak melakukan kekejaman, kawalan deria, pengetahuan, ikhlas dll.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Masyarakat perlu mematuhi etika yang ditetapkan agar kehidupan barunya lebih baik dan mendapat matlamat dalam mencapai <i>mokhsa</i>.</li> </ul>
iv	<b>Peribumi</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Terdapat pelbagai adat dan pantanglarang yang perlu dipatuhi.</li> <li>• Mereka percaya tuhan akan turunkan bala kalau tidak patuhinya.</li> <li>• Kepatuhan mereka terhadap adat ibarat kepatuhan kepada sistem kepercayaan.</li> <li>• Juga terdapat denda atau balasan seperti <i>sogit</i> dalam masyarakat kadazan/dusun.</li> <li>• Contoh lain hukuman ke atas pesalah sumbangmahram – <i>pelabai</i> ( Kenyah ) , hukuman bunuh ( Semai ) dan penggal kepala ( Murut )</li> </ul>

e. **Kepimpinan yang berteraskan keadilan dan kebijaksanaan.**

i.	<b>Melayu ( Islam )</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Politik Islam menggariskan sistem dan corak pemerintahan Islam seperti asas dalam berpolitik konsep tauhid, risalah dan khilafah</li> <li>• Prinsip politik Islam – keadilan, persamaan, syura, akauntabiliti.</li> <li>• Sumber dalam politik – kitabullah dan sunnah( asas ), ijtihad dan ijma'</li> </ul>
ii	<b>Cina</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dalam hal ini Raja-raja Chou mengaitkan diri mereka dengan konsep anak syurga dan mandat dari syurga (<i>celestial mandate</i>) → rujuk raja wakil tuhan di bumi. Justeru itu mereka perlu memerintah dengan adil dan jika gagal, mandat akan ditarik semula. Konsep ini memberi pengajaran moral : <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pemimpin perlu berkelakuan baik. Jika tidak adil atau tidak jujur dalam pemerintahan ia akan disingkir dari jawatan dengan berlakunya penarikan mandat tersebut.</li> <li>ii. Rakyat perlu patuh pada pemimpin.</li> </ul> </li> <li>• Menekankan konsep <i>wu lun</i> atau lima hubungan yang mana satu bentuk hubungan di dalamnya berkaitan dengan etika di dalam pemerintahan iaitu antara pemerintah dan rakyat. Hubungan di sini bersifat dua hala di mana pihak pemerintah perlu bertanggungjawab ke atas rakyat bawahannya manakala golongan rakyat perlu mematuhi perintah pemerintah.</li> <li>• Konfucius menegaskan bahawa politik merupakan pengurusan tentang kebenaran dan perlu memerintah berdasarkan akhlak</li> <li>• Menekankan pemerintahan yang berdasarkan <i>zheng ming</i> iaitu nama yang betul untuk menjelaskan di antara perkara yang</li> </ul>

		<p>benar dan salah. Ia bermaksud, peranan dan tanggungjawab adalah mengikut nama yang disandang. Tujuannya adalah untuk membezakan antara perkara yang betul dan salah.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemerintah juga perlu memperbaiki diri sendiri atau <i>zheng ji</i></li> </ul>
iii	<b>India</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Peningkatan pemimpin yang adil dan bertanggungjawab sebagaimana termaktub dalam dharma yang dinamakan <i>rajadharma</i></li> <li>• <i>Rajadharma</i> - meliputi tugas dan tanggungjawab yang diwajibkan bagi seorang pemerintah dalam melindungi undang-undang sosial. Tugas utama raja ialah memerintah demi kebahagiaan rakyat dan <i>rajadharma</i> memerlukan seorang pemerintah menganggap kebahagiaan rakyat sebagai kebahagiaannya dan kebajikan rakyat sebagai tugas utamanya.</li> </ul>
iv	<b>Peribumi</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemimpin yang diutamakan ialah orang yang berumur dan matang kerana golongan ini berpengalaman, bijak dan tidak emosi. Contoh dalam perlantikan penghulu atau batin dalam masyarakat orang asli.</li> <li>• Masyarakat Iban – tambahan syarat keupayaan dan keberanian melindungi komuniti rumahpanjang sebagai syarat <i>tuai bilek</i> dan <i>tuai rumah</i>.</li> <li>• Amalkan perkongsian kuasa – saling bermesyuarat sebelum menetapkan sesuatu keputusan.</li> </ul>

#### f. Menghargai alam sekitar.

i.	<b>Melayu ( Islam )</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Anugerah Allah yang diamanahkan kepada manusia untuk dieksploitasi sebaik mungkin.</li> <li>• Alam – tanda kekuasaan Allah.</li> <li>• Ada adab dan akhlak dengan alam termasuk yang ghaib.</li> <li>• Hubungan dengan alam perlu dijaga di samping hubungan dengan Allah untuk mendapat syurga.</li> <li>• Maksud Firman Allah : “Janganlah kamu berjalan di muka bumi mendabik dada.”</li> </ul>
ii	<b>Cina</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menegaskan perlunya menjaga dengan alam sekitar, malah menganggap bintang di langit sebagai nenek-moyang mereka yang menjadi <i>shen</i>/dewa di langit setelah meninggal dunia.</li> </ul>
iii	<b>India</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Hargai alam malah menganggap ada kuasa di dalamnya.</li> <li>• Alam sekeliling ada dewa seperti Indra ( Tuhan Cuaca ), Surya ( Tuhan Matahari ) Varuna ( Tuhan Langit ) dsb.</li> <li>• Konsep <i>ahimsa</i> – mengajar mereka sayangkan binatang hingga hargai nyawa mereka.</li> <li>• Konsep totemisme – penyembahan kepada lembu, anggap zat</li> </ul>

		Tuhan ada di dalamnya.
iv	<b>Peribumi</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perlu menjaga alam sekitar malah menganggap terdapat kuasa ghaib di dalamnya.</li> <li>• Percaya tuhan harimau atau petir sebagai penjaga haiwan dan tumbuhan.</li> <li>• Justeru itu dilarang menebang pokok tanpa niat untuk digunakan atau membunuh binatang tanpa niat makan.</li> <li>• Perbuatan ini akan mengundang kemarahan tuhan dan akan diturunkan bala bukan sahaja ke atas pesalah malah seluruh komuniti mereka.</li> <li>• Kepercayaan ini mendorong mereka menjaga alam sekitar agar berada dalam ekologi yang seimbang.</li> </ul>

### 3 PERSAMAAN ANTARA TAMADUN

### 4. PERBEZAAN ANTARA TAMADUN

#### A. TEOLOGI

##### Persamaan

1. Semua agama tekankan konsep ketuhanan kecuali agama Buddha tekankan falsafah moral dan etika.
2. Mempunyai doktrin dan amalan tertentu seperti bagi Islam – solat puasa, haji dsb.
3. Aspek-aspek tertentu dalam Islam, Kristian dan Yahudi ada persamaan seperti kehidupan selepas mati dan pembalasan akhirat.
4. Beberapa aspek konsep Buddhisme dan Hinduisme sama seperti 'kelahiran semula' dan 'karma'.

##### Perbezaan

1. Manifestasi ketuhanan berbeza. Misalnya konsep monotheisme dalam Islam berbeza antara Islam ( konsep tauhid ), Kristian ( Trinity ) dan Hindu ( Trimurti )
2. Beberapa aspek tertentu. Contoh : perbezaan antara Hindu dengan Buddhisme, seperti konsep reinkarnasi atau penjelmaan semula.
3. Manifestasi konsep kenabian, amalan ( ibadah ) dan konsep hari pembalasan berbeza.

#### B. ETIKA

##### a. Pendidikan

##### Persamaan:

pendidikan sebagai pembentukan peribadi (character building), tugas pengembangan ilmu suatu yang mulia. Kesedaran ini menjadikan *inner being* diberi kepentingan dalam konsep pendidikan Islam, Kristian, Hindu dll. Transformasi dalaman perlu didahulukan.

##### Perbezaan:

cara transformasi dan elemen yang diutamakan.

Islam – tauhid peranan penting dalam transformasi manusia.

Buddha dan Hindu – transformasi sifat (*character*) dicapai melalui proses mencari diri sendiri (*self-discovery*)

## **b. Ekonomi.**

### **Persamaan:**

kegiatan ekonomi tradisional berlaku dalam konteks 'moral semesta' (*universe moral*).

- i. Buddha** – ajaran jalan lapan lapis
- ii. Islam** – konsep halal haram berhubung rapat dengan akhlak.
- iii. Tamadun China** – falsafah Konfusianisme memberi perhatian terhadap golongan petani dan pandang rendah golongan pedagang yang dikatakan sentiasa terlibat dengan penipuan.
- iv. Tamadun Eropah** – zaman pertengahan dipengaruhi ajaran Kristian seperti larangan riba, rasuah, penipuan dll.

### **Perbezaan:**

Penipuan, rasuah dll tidak dinafikan terdapat dalam tamadun moden. Yang membezakan ekonomi tamadun tradisional dengan zaman moden ialah kayu pengukur.

## **c. Keluarga**

Keluarga sebagai asas pembentukan masyarakat dihayati oleh tamadun tradisional.

Contoh:

### **i. Tamadun China**

- ajaran Confucius tekankan hubungan kasih sayang yang mewujudkan ketenteraman dan harmoni dalam masyarakat.
- 3 dari konsep *wu lun* ( lima hubungan ) ialah hubungan yg penting dalam keluarga iaitu hubungan bapa – anak, abang – adik dan suami – isteri.
- Kesetiaan anak kepada bapa = rakyat terhadap maharaja. Amalan menyembah nenek moyang lahir dari konsep ini.

### **ii. Tamadun Islam**

- hubungan anak dengan ibu bapa berasaskan hak dan tanggungjawab. Masing-masing mempunyai hak dan tanggungjawab yang digariskan dalam Islam.
- Keredhaan ibu bapa kunci keredhaan Allah.
- Kriteria memilih pasangan ditetapkan untuk keharmonian keluarga.

### **iii. Tamadun India**

- keluarga juga unit penting.
- Pembinaan keluarga bermatlamat membuat sistem sokongan fizikal dan rohani disamping pnerus zuriat.
- Ikatan kasih sayang amat dipentingkan.

## **d. Komuniti**

- Komuniti atau masyarakat unit penting.
- Identiti individu ( pemikiran, pandangan semesta, sikap , perilaku dll ) kait rapat dengan komuniti.
- Identiti individu cerminan komunitinya.
- Lazimnya dibentuk oleh sistem agama dan kepercayaan, nilai moral yang juga bersumberkan agama dan adat resam.

**i. Tamadun Islam**

- wujud hubungan berdasarkan ikatan kekerabatan, agama dan kemanusiaan ( termasuk bukan Islam).
- Konsep ummah melampaui batasan bangsa, warna kulit atau geografi.
- Kasih sayang dan tolong ansur ditekankan untuk wujudkan persaudaraan dan perpaduan.
- Peranan dan fungsi wanita diletakkan sesuai dengan fitrah dan sifat semulajadi wanita, berbeza dengan pandangan barat yang meletakkan ia sama dengan taraf lelaki.
- Turut mengiktiraf kedudukan dan hak wanita seperti pemilikan harta dan pencarian ilmu. Berbeza dengan Tamadun India Awal amalkan *sutti*. Prinsip egalitarian tidak menerima wujud perhambaan. Tiada perbezaan kecuali takwa.

**ii Tamadun China**

- dipengaruhi sistem kekeluargaan Cina berasaskan kuasa lelaki dan bapa.
- Sistem kekeluargaan berasaskan hubungan darah.
- Sistem kelas ditentukan oleh tahap pendidikan dan kemahiran.

**iii Tamadun India**

- berbeza dengan lain kerana peraturan lebih ketat, asaskan sistem kasta yang *rigid* yang diwarisi dari nenek moyang.
- Sistem kasta pengaruhi bidang ekonomi, politik, sosial dan perundangan.
- Hubungan sesama anggota dalam komuniti ditekankan oleh konsep *Dharma*.

**e. Alam Sekitar**

- Anugerah tuhan.
- Manusia sebagai penjaga

**f. Kesihatan**

- Kesihatan dipengaruhi alam sekitar.
- Segala yang wujud saling berhubungan.
- Mengubati penyakit – memulihkan proses keseimbangan.

**C. POLITIK DAN KERAJAAN**

Falsafah tamadun tradisional tekankan moraliti atau akhlak sebagai asas kerajaan.

**i. Tamadun Islam**

- politik dan agama tidak boleh dipisahkan.
- Prinsip pemerintahan – keadilan , wasatiyyah, syura dll.

**ii. Tamadun Awal Melayu**

- kesetiaan raja, tidak boleh derhaka

### iii Tamadun China

- ajaran Confucius beri panduan dalam hubungan antara pemerintah dengan rakyat.
- Raja perlu baik moralnya.
- Tidak anjur menentang raja yang tidak bermoral tetapi akan ditarik oleh *Tien* (Maha Agung) melalui pelbagai bala bencana seperti banjir, perang dsb.

## D. INSTITUSI KEAGAMAAN

- Wujud institusi keagamaan
- Berperanan dalam masyarakat sebagai pusat agama, sosial, ekonomi, politik dan pendidikan
- **Contoh:**
  - i. Tamadun Islam – masjid → pusat ibadah, ekonomi, pentadbiran, ilmu dan sosial.
  - ii. Tamadun Barat – gereja → pusat ibadah, sosial, ilmu.
  - iii. Tamadun Hindu dan Buddha – kuil, peringkat awal turut berfungsi pusat pendidikan ilmu keagamaan Golongan Brahmin, terpelajar dan berperanan sebarkan ilmu. Bagi kuil Buddha hal sama berlaku, sami2 yang fasih berbahasa Pali dan Sanskrit sumber rakyat memahami ajaran Buddha.

## KESIMPULAN

Semua tamadun mempunyai nilai, etika dan institusi tersendiri. Wbgmpun tidak dinafikan di dalam aspek-aspek tersebut terdapat beberapa ciri-ciri persamaan. Aspek yang banyak perbezaan antara tamadun adalah dalam bidang teologi. Dari segi etika pula banyak persamaan antaranya.

## 5.0 CONTOH-CONTOH INTERAKSI DALAM KONTEKS SEJARAH MALAYSIA

### 5.1 INTERAKSI TAMADUN MELAYU DENGAN INDIA

#### A. ZAMAN PRAPENJAJAH BARAT

- Bermula sejak kurun pertama masihi lagi.
- Faktor-faktor yang mendorong interaksi adalah seperti berikut:

##### a. Faktor Perdagangan

- Faktor terawal.
- Nama wilayah Asia Tenggara yang tersebut dalam kitab Ramayana ialah *Suvarnavdipa* ( semenanjung Emas ) dan *Suvarnabhumi* ( Bumi Emas ).
- Kesannya, muncul beberapa negara yang menerima pengaruh India seperti Funan, Langkasuka, Kedah, Kuala Selinsing dan yang paling penting Srivijaya.
- Srivijaya yang muncul akhir abad ke-5, berfungsi sebagai :
  - ii. kota pelabuhan enterpot yang penting kurun ke 8-13 selama 500 tahun bagi produk dari Timur seperti China dan Kepulauan Melayu untuk ditukar dengan produk dari barat seperti India dan Timur Tengah.

- iii. mengawal dua jalan perairan laut iaitu Selat Melaka dan Selat Sunda yang menjadi laluan perdagangan laut antara negara-negara di Timur iaitu China dan kepulauan Melayu dengan negara-negara di barat iaitu India, Timur Tengah dan Laut Mediterranean.
- iv. tempat persinggahan kapal.
- v. pusat pengajian agama Buddha
- vi. pusat pengajian bahasa sanskrit
- Semasa zaman Kesultanan Melaka, pedagang utama adalah dari India iaitu dari pesisir Koromandel, Kalingga, Benggala dan Gujerat. Sehingga ada antaranya yang tinggal menetap dan berkahwin dengan penduduk tempatan.

#### **b. Misi Diplomatik**

- Antara faktor kejayaan Srivijaya adalah kerana hubungan istimewa dengan beberapa maharaja China yang menjadikannya sebagai pelabuhan penghubung terpenting antara Timur dan Barat.
- Antara 860-883, tidak kurang dari 8 kunjungan rasmi perutusan dari Srivijaya ke China.
- Juga menjalinkan hubungan dengan kerajaan Chola di India Selatan sebagaimana tercatat dalam rekod Raja-raja Chola ( 985-1122 ) . Malah Raja Chola Rajendra I telah buat ekspedisi ke Kepulauan Melayu dan Srivijaya..

#### **c. Penaklukan**

- Pada 1025M Raja Chola menundukkan Srivijaya seterusnya menyumbang kepada kejatuhan Srivijaya.

#### **d. Perkahwinan**

- Di zaman Kesultanan Melaka, terdapat dari kalangan pedangan yang berkahwin dengan wanita tempatan dan golongan bangsawan Melayu dan seterusnya diterima dalam kalangan pembesar Melaka.
- Dalam *Sulalat al-Salatin* ( **Sejarah Melayu** ) riwayatkan Mani Purindam (pemborong permata) seorang Tamil Muslim telah menjadi menantu kepada Sri Nara Diraja pada zaman Sultan Muhammad Shah ( 1424-1444).
- Hasil dari perkahwinan tersebut, lahirlah pembesar-pembesar dan pemerintah Melaka dari keturunan Melayu Tamil seperti:
  - i. Tun Ali telah dilantik menjadi Sri Nara Diraja menggantikan datuknya
  - ii. Cucu Tun Ali, Raja Kasim menjadi Sultan Melaka dengan gelaran Sultan Muzaffar Shah ( 1446-1456 )
  - iii. Pembesar lain dari keturunan Tun Ali – Temenggung Tun Tahir, Bendahara Tun Mutahir dan Temenggung Tun Husain.
  - iv. Raja Mendalir, seorang pedang Keling dilantik menjadi Shahbandar Melaka semasa Sultan Mahmud ( 1488-1500 )
  - v. Khoja Hasan berasal daripada Parsi atau Utara india telah berkahwin dengan anak Hang Tuah dan dilantik menjadi Laksamana menggantikan Hang Tuah.

## **B. ZAMAN PENJAJAHAN BARAT**

- Kedatangan dan perpindahan orang India semakin pesat secara mendadak berikutan dasar kuasa penjajah British yang menggalakkan pengambilan tenaga buruh asing untuk kejayaan misinya mengeksploitasi sumber kekayaan di Tanah Melayu.
- Perpindahan beramai-ramai bermula 1840 dengan terbukanya ladang kopi dan tebu di Seberang Perai.
- Semakin bertambah apabila penanaman getah berkembang pesat di Tanah Melayu.
- Kemasukan tenaga buruh ini semakin pesat apabila undang-undang diluluskan oleh negeri-negeri Selat 1872 dan ke negeri-negeri Melayu Lindungan pada 1884.
- Antara 1891- 1901, seramai 58,000 orang India (peningkatan sebanyak 188%), kebanyakan dari Madras, Trichinopoly, Tanjore, Negapatnam, Coimbatore dan Satem. Mereka ini membekalkan tenaga buruh dalam kerja-kerja am di Majlis Perbandaran dan perladangan getah.
- Buruh-buruh India di Tanah Melayu datang samada sukarela atau paksa.
  - Kumpulan paksaan - terdiri daripada banduan atau tawanan – bekerja membina jalan raya, landasan keretapi, jambatan dan bangunan kerajaan.
  - Kumpulan sukarela – bekerja di ladang tebu, kopi dan getah.
- Sistem yang bawa buruh dari India :
  - Sistem Kangani - paling popular bawa buruh India, seorang pekerja yang telah bekerja di Tanah Melayu pulang ke India mencari buruh baru untuk bekerja dengannya sendiri di Tanah Melayu. Sistem ini dihapus pada 1938
  - Sistem Kontrak – pekerja bekerja ikut jangka masa tertentu sebagaimana tersebut dalam kontrak.
- Golongan yang datang di zaman ini berbeza dari zaman prapenjajahan ( Srivijaya dan Melaka ). Mereka terdiri dari kelas rendah dan menetap dalam kawasan geografi dan sosial yang tersendiri dan terasing, tidak berpeluang berinteraksi secara meluas dengan masyarakat luar. Oleh itu kesan mereka ke atas masyarakat dan budaya Melayu amat minimal.
- Berbeza sebelumnya di zaman Srivijaya dan Melaka, orang India yang datang terdiri dari kelas atasan dan diserap masuk ke dalam institusi istana dan institusi negeri yang lain. Justeru itu kesan mereka atas masyarakat dan budaya Melayu amat banyak.

## **C. IMPAK INTERAKSI**

### **a. Pengaruh dalam Sistem Pemerintahan**

- Institusi beraja – pengaruh konsep kosmologi sinkretisme Hinddu-Buddha dalam menubuhkan legitimitasi ke atas golongan pemerintah dan bangsawan.
- Kerajaan di dunia sebagai bayangan kerajaan di syurga dan raja dianggap titisan dan jelmaan Tuhan Siva-Buddha yang melahirkan konsep Dewaraja.
- Istana dibina atas tanah tinggi di tengah negeri sebagai replika Gunung Kosmik Mahameru, rumah Tuhan yang terletak di alam semesta.
- Candi sebagai monumen batu dibina sebagai tempat jamuan makan bagi Dewaraja supaya pemerintahnya dianggap suci oleh rakyat.
- Upacara pertabalan seperti pembinaan Balai Panca Prasada lima tingkat – wakili puncak Gunung Kosmik Mahameru

- Penggunaan bilangan pembesar dan hulubalang 4, 16, 32 – berasaskan 4 kardinal penjurong alam yang dikali 4.
- Penggunaan gelaran seperti :
  - Duli Yang Maha Mulia* ( Debu Di Bawah Tapak Kaki Raja Yang Paling Suci.)
  - Seri Paduka Baginda* ( Capal Suci Di Bawah Tapak Kaki Dewaraja)
  - Seri Nara Diraja* – bertugas mengisytiharkan perlantikan Raja.
  - Bendahara* – sebagai menteri
  - Laksamana* – sebagai ketua tentera.

**b. Bahasa**

- Percampuran bahasa Sanskrit dan Tamil dalam bahasa Melayu.

**i. Pinjaman Bahasa Sanskrit**

Dari segi fonologi, aspirasi /h/ dalam sanskrit digugurkan dan dipindahkan tempat:

bhumi	bumi
bheda	Beda/beza
bhasa	bahasa
arthah	harta
bhakti	bakti
bhudi	budi
arghah	harga

Vokal /a/ dalam suku kata pertama diganti dengan e pepet:

nagaram	negara
panajaram	penjara
danda	denda

Vokal e pepet disipkan di tempat gugus konsonan:

Putrah	Putera
Cakravala	Cakerawala
Sah-am	Sastera
Cakram	Cakera

Konsonan sengau/nasal disisipkan antara vokal

Akasah	Angkasa
Upama	Umpama

**c. Kesenian**

- senitari
- seni binaan – seperti masjid India, semua kubah ke atas merujuk kepada tuhan yang Esa.

**d. Kesusasteraan**

- wayang kulit
- Cerita – Hikayat Seri Rama, Pendawa Lima dsb.

## 5.2 INTERAKSI TAMADUN MELAYU DENGAN CHINA

### A. ZAMAN PRAPENJAJAH BARAT

- Faktor interaksi di zaman ini didorong dengan faktor diplomatik dan perdagangan.
- Dinasti Han ( 140 – 117 SM ) interaksi bermula
- Pemerintahan Sun Quan ( 222-252M ) – hubungan diplomatik
- Dinasti Tang – (semasa pemerintahan Srivijaya) – hubungan semakin pesat
  - Banyak hubungan diplomatik
  - kedatangan pedagang dan penuntut agama Buddha di Srivijaya (pusat pengajian Buddha).
  - Buka 7 jalur jalan dagang, satu darinya ialah perjalanan laut dari Guangzhou ke India, Parsi dan Arab melalui Alam Melayu seperti S.Tanah Melayu, Srivijaya, *He-Ling* (Jawa) dll.
- Dinasti Song ( 960-1279 ) – teruskan hubungan luar tetapi lebih tumpukan bidang perdagangan.
  - Barang dari AM ke China – gading, gula badak, mutiara, gaharu, cendana, cengkih, lada, pala.
  - Barang dari China ke AM – kain sutera, alatan perabot, porselin dan seramik.
  - 36 kali iaitu rata-rata 3 tahun sekali utusan Srivijaya ke China.
  - Bukti hubungan erat di Guangzhou ada kuil atas perintah dan biaya Raja Srivijaya.
- Dinasti Ming - ( semasa zaman Kesultanan Melaka ) – paling gemilang
  - Utusan Laksamana Cheng Ho bertujuan persahabatan, perdamaian dan perniagaan bukan penaklukan.
  - Hubungan pesat antara kedua negara disimpulkan oleh *Liang Liji* sebagai :
    - a. Keinginan dan ketulusan dalam persahabatan.
    - b. Sikap yang sama dalam mendokong perdamaian
    - c. Kegiatan perniagaan dua hala berjalan lancar.
  - Jabatan juru bahasa ( *long syi* ) ditubuhkan oleh kerajaan Ming.
  - Di Melaka ada seorang juru bahasa khas dan seorang di Sumatera
  - Maktab bahasa asing ( *Si Yi Guan* ) didirikan di *Ying Tian Fu* ( Ninjing ) pada 1405 – mengajar bahasa-bahasa asing.
    - terdapat 8 jabatan dan bahasa Melayu diletak dalam satu jabatan yang disebut (Hui Hui Guan ( Jabatan Islam yang merangkumi bahasa Parsi, Arab, Melaka, Jawa dll)
  - Terdapat kamus China-Melayu tertua tertulis di zaman Melaka dan disimpan di perpustakaan *School of oriental and African Studies*, London.

## **B. ZAMAN PENJAJAHAN BARAT**

- Penjajahan Barat kerana matlamat 3G berbeza dengan dasar Konfusius.

### **FAKTOR INTERAKSI :**

#### **a. Perdagangan**

- Kesan drastik – pertambahan perdagangan dengan China, mula di Jakarta ( 1619) → Singapura. Di Singapura lebih pesat 1819 selepas pembukaannya oleh Raffles. 1845 mewakili separuh penduduk Singapura
- Pola ini berlaku juga di pusat bandar seperti Pulau Pinang, Melaka, Kuching dsb.
- Mereka menjadi sumber buruh dan modal dalam perkembangan perdagangan import-eksport antara Barat dan Timur.

#### **b. Ekonomi – sumber buruh**

- Apabila sektor perlombongan dan pertanian komersil berkembang di Tanah Melayu – mereka jadi sumber buruhnya.
- Contoh kawasan perlombongan di Larut Perak 40,000 pendatang Cina pada 1873.
- Contoh lain kawasan lombong di KL – Ampang, Sg Kanching dan Klang.
- Selain perlombongan – tenaga buruh di ladang lada dan gambir.

#### **c. Dasar Kerajaan**

- Penghijrahan secara besar-besaran berlaku apabila pengambilan Pulau Pinang dari Sultan Kedah pada 1786, pengambilalihan Singapura dari Sultan Johor pada 1819 dan selepas penubuhan Negeri-negeri Selat 1826.
- Galakan Kerajaan Selat ( Inggeris ) –migrasi secara bebas
- Undang-undang untuk galakan imigran – The Chinese immigrants dan The Crimpling Ordinance.
- Jabatan Perlindungan Orang Cina ditubuh untuk lindungi buruh-buruh Cina.
- sehingga 1933 barulah dihadkan apabila ada Ordinan Orang Asing menghadkan kemasukan orang asing.
- Setelah Kerajaan China hapuskan sekatan migrasi → meningkat, contoh banci 1891 hampir separuh penduduk Selangor, Perak dan sungang Ujong adalah orang China.

#### **d. Pemberontakan di Tanah Besar China.**

- Pergolakan di China Selatan akibat pemberontakan Taiping 1851
- Malapetaka seperti banjir dan kepesatan penduduk
- Mendorong migrasi beramai-ramai dari wilayah Kwangtung, Fukein dan Kwangsi yang membentuk 5 kumpulan dialek utama iaitu Teochew, Kantonese ( dari Kwangtung ), Hokkein ( dari Fukein ), Hakka ( dari pergunungan Kwangtung, Kwangsi dan Fukein ) dan Hainan ( dari Pulau Hainan )
- Awal – ramai terkorban akibat keadaan hidup, penyakit dan kerja teruk. Kemudian mereka menjadi semakin gigih hingga mampu menempa kerjaya dalam perniagaan, pertanian, perlombongan dll. Justeru itu pada pandangan pihak berkuasa Inggeris kadar migrasi mereka selaras dengan pertumbuhan ekonomi.

### C. IMPAK INTERAKSI

#### **Kesan/impak di zaman Pra-penjajahan Barat:**

- Tidak banyak beri kesan mendalam kerana hubungan bukan berniat dominasi dan hegemoni
- Sikap mereka saling menghormati dan mengiktiraf kewibawaan kerajaan dan ciri budaya masing-masing.
- Pengaruh yang paling ketara ialah bahasa dan budaya Baba dan Nyonya.

#### **Kesan/ Impak di Zaman Penjajahan Barat :**

- Terdapat jurang yang luas malah polisi pentadbiran inggeris sengaja memisahkan penempatan antara kaum
- Pengaruh kebudayaan - tidak begitu ketara
- Walaubagaimanapun dari segi bahasa terdapat beberapa serapan antara keduanya

#### **PENGARUH/ KESAN INTERAKSI :**

##### **a. BAHASA**

1.	Makanan dan buahan	Bakmi, me, mesua, cincau, kueh, bepang, taueh, kanar, kuaci, kucai, angki (pisang kaki), tauhu, kincam ( sayur kering 0, lai(buah ), laici, the, behon, to'yu, samsu
2.	Pakaian dan barang dagangan	Cukin, tocang, lo' cuan, kekwa (bunga 0 koyok, cat, gimpai, gincu, tahlil, koyan, d ( 1/10 tahlil ), hun ( 1/100 tahlil , 1 inci ), tohar, tokok, angklong, candu, kaci
3.	Rumah dan peralatan	Loting, pangkin, angloh, loceng, langkan, kangka, bangsal, tongkang, jong, sampan, beca, langca, pongkis, sempua, sia, tanglong, tangsi, takpi, cawan, tekoh, uncoi, dacing, kok ( belunggu tengkok haiwan ), cacing, kincir.
4.	Manusia dan ehwalnya	Apek, loki, nyonya, cempiang, taukeh, kongsi, kicak, cinggeh, cincau, ampau, taijin, kuntau, gua, lu, sengse, samsing, lancau, suwe, toa pekong, tokong, tekong, banci, cuak, culai, lancong.
5.	Permainan	Ceki, pakau, capjeki, congkak, cukai, mahjong.

##### **b. KEBUDAYAAN**

###### **i. Budaya Baba-Nyonya**

- 1613 iaitu awal kurun ke 17 - komuniti China menetap di Melaka, kerana tiada pendatang dari wanita mereka berkahwin dengan wanita tempatan / Indonesia
- Justeru itu bahasa Melayu digunakan sebagai bahasa pengantar dalam urusan perniagaan tetapi dalam institusi keluarga.
- Lahirlah satu budaya kacukan yang dipanggil Baba dan Nyonya.

- Ciri-ciri masyarakat Baba dan Nyonya :
  - Memanggil diri mereka Baba atau Peranakan
  - Bertutur dalam bahasa Melayu dengan gayanya yang tersendiri dan dipanggil sebagai bahasa Melayu Baba.
  - Masakan Baba banyak dipengaruhi oleh masakan Melayu. Kebiasaannya makan menggunakan tangan seperti orang Melayu.
  - Generasi yang lebih tua ( Nyonya ) masih menggunakan kain sarung dan kebaya sebagai pakaian seharian.
  - Budaya Baba datang daripada budaya Cina dengan sedikit sebanyak pengaruh budaya Melayu.
- Bahasa digunakan – dialek Melayu Baba yang diasaskan atas ragam bahasa Melayu pasar yang menjadi bahasa lingua-franca dalam perdagangan. Setiap kawasan mempunyai ragam yang dipengaruhi dialek melayu tempatan yang berbeza-beza.
- Berbeza dengan Bahasa Melayu baku:
  - Bahasa Cina diserapkan terutama kata pinjaman dari dialek Hokkein yang berkaitan adat, kekeluargaan dan agama
  - Kata-kata serapan mengalami penyesuaian dari segi sebutan dan makna
  - Con. *lau-teng* = loteng, *Put-Go* = Datuk Uco ( nama satu dewa Buddha )
  - Perkataan Melayu alami perubahan bunyi dan makna , contoh malaikat = malikat ( roh nenek moyang ), kawan = kawan (suami )
  - Tidak banyak menggunakan imbuhan hanya kata dasar sahaja seperti “Dia tulis surat.”
  - Perkataan “punya” menggantikan partikel milik “nya” seperti bukunya → dia punya buku.

## ii. **China Peranakan/ Cina Kampung**

### **Cina Peranakan di Kelantan**

- Hubungan Cina dengan negeri di Pantai Timur sejak sebelum zaman srivijaya lagi.
- Ada rekod menyebut mula abad 18.
- Terdapat di tebing sungai Kelantan dan Kuala Kerai di hulu sehingga ke Tumpat di muaranya.
- Kesan – banyak penyerapan ciri-ciri budaya Melayu di kalangan mereka.
- Paling ketara penggunaan dialek Kelantan yang fasih dan jenis pakaian
- Wujud sifat saling menghormati dan lahir citarasa yang sama seperti kegemaran kepada wayang kulit, permainan mahjong, wayang gedek, menora.
- Namun ciri orang China yang tetap kekal – aspek agama.

### **Cina Peranakan / Cina Kampung di Melaka dan Pulau Pinang**

- Selain di Kelantan terdapat juga di Melaka dan Pulau Pinang
- Berbahasa Melayu dan hidup cara hidup Melayu tetapi tidak beragama Islam.
- Lebih dekat dengan orang Melayu
- Adat resam menyerupai Melayu walaupun masih terdapat ciri budaya Cina lama
- Kepercayaan tahyul menyerupai kepercayaan orang Melayu.

**c. KESENIAN**

- Senibina Cina dalam pembinaan masjid seperti masjid Tanjung Kling, Masjid Tengker – seperti pagoda.
- Seni kaligrafi, lukisan cat minyak dll.

**6. KESAN INTERAKSI ANTARA TAMADUN**

**6.1 KESAN NEGATIF**

**a. Jurang perbezaan ekonomi**

- Pemerintahan penjajah tidak mengambil berat tentang kebajikan dan masalah rakyat tempatan.
- Di Semenanjung Tanah Melayu, para petani sentiasa dilindungi oleh kerajaan British melalui dasar utamanya yang bertujuan menempatkan orang Melayu di kawasan luar bandar dan terus menjadikan mereka pembekal makanan kepada masyarakat bandar.
- Orang Melayu sebenarnya digalakkan mengusahakan tanaman sara diri
- Sedangkan di kawasan bandar masyarakat asing terutamanya Cina terus sibuk dan maju dengan kegiatan ekonomi eksport dan import.
- Dasar Inggeris sebenarnya condong membantu kaum imigran menyebabkan ramai orang Melayu kehilangan tanah.
- Kononnya Inggeris ingin membantu Melayu dengan gubal Undang-undang Tanah Simpanan Melayu 1913 yang dipinda 1933. Dari segi teori ia dapat melindungi tanah orang Melayu dari tergadai ke tangan bangsa lain seperti Cina dan ceti ( India ). Tetapi sebenarnya Inggeris mahu orang Melayu terus tinggal di kampung supaya dapat meneruskan pekerjaan tradisinya sebagai petani agar dapat bekalkan ke bandar. Pada masa yang sama kawasan yang berpotensi untuk dimajukan diambil oleh Inggeris dan kaum imigran. Bagi peribumi, hanya wartakan tanah yang jauh dari pembangunan dan kurang berpotensi dari segi ekonomi.
- Kawasan yang berpotensi samada kaya dengan logam atau sebur untuk tanaman biasanya dikeluarkan dari senarai Tanah Simpanan Melayu.
- Justeru itu orang Melayu hidup dalam kemiskinan.
- Penjajah hanya benarkan mereka menjadi pekebun kecil sahaja.
- Jika ada perkampungan baru dibuka, orang Melayu dikenakan syarat tertentu seperti hanya menanam padi, kelapa dan buahan.
- Pendapat seharian mereka hanya secukup hidup bergantung kepada kesihatan, saiz keluarga, keadaan pasaran, iklim dan masalah penjagaan tanaman.
- Mereka sentiasa bekerja keras untuk menampung kekurangan pendapatan dengan mengambil upah seperti membina parit atau menebang hutan atau buruh kasar.
- Berlakulah jurang perbezaan dalam ekonomi – wujud jurang perbezaan antara orang kaya dengan miskin, antara orang bandar dengan luar bandar.
- Pembangunan lebih tertumpu ke kawasan yang bersedia menerima perubahan, kawasan Pantai Barat semenanjung lebih maju dari kawasan Pantai Timur.
- Pembandaran yang dicirikan penjajah oleh penumpuan penduduk asing terutama kaum Cina

- Ringkasnya : akibat dasar ‘pecah dan perintah’ pihak British – berlaku perbezaan tumpuan sektor ekonomi :
  - Melayu – petani sara diri dan nelayan
  - Cina – sektor perdagangan dan perlombongan
  - India - estet
- Ketidakeimbangan antara kawasan antara desa dan bandar berlanjutan hingga zaman pascapenjajah.

#### **b. Kesan sosial**

- Jurang perbezaan yang berlaku dalam sektor ekonomi turut mempengaruhi sosial.
- Kemasukan ekonomi moden telah mengubah struktur masyarakat Melayu dan peribumi kepada masyarakat yang kompleks dan berkelas-kelas.
- Pengelasan masyarakat :
  - Kelas atasan - golongan bangsawan Melayu, saudagar, pengurusdan pengusaha yang terdiri daripada orang asing dan Cina.
  - Kelas pertengahan – orang Cina dan sedikit dari golongan India, Melayu dan lain-lain kaum bumiputera.
  - Kelas bawahan – majoriti Melayu dan peribumi.
- Seolah-olah wujud susun lapis dan kelas masyarakat berdasarkan lunas perkauman.

#### **c. Pencapaian yang tidak seimbang , con dalam pendidikan.**

- Berlaku pencapaian tidak seimbang bukan sahaja dalam ekonomi tetapi dalam pendidikan.
- Sistem pendidikan penjajah mewujudkan sekolah mengikut kaum mengikut tempat tinggal masing-masing.
- Pengasinan sistem pendidikan:
  - Melayu :
    - 2 jenis sistem sekolah :
      - i. sekolar venakular – aliran Inggeris – hanya untuk anak-anak bangsawan.
      - ii. sekolah Melayu – berbentuk pendidikan asas kerana tidak galakan untuk menjadi terlalu pandai.
  - India :
    - sistem Tamil di bina di estet
    - guru dari India
    - mutu pelajaran sangat rendah
    - tiada pelajaran di peringkat menengah
    - pelajar lepasan sekolah ini tidak berpeluang dapat pekerjaan yang baik – terpaksa bekerja di estet.
  - Cina :
    - Sistem tersendiri
    - Tradisi - pentingkan pelajaran.
    - Guru dan buku teks dibawa dari Cina
    - Justeru itu pelajar lebih pentingkan pergolakan politik, ekonomi dan sosial yang berlaku di negara China dari perkembangan di Tanah Melayu.
  - Orang asli Sabah dan Sarawak :
    - Pendidikan tidak diberi. Kerana akan musnahkan kebijaksanaan semuulajadi.

- Dapat dilihat di zaman penjajah, aliran pendidikan berasingan dan tidak bercadang untuk menyatupadukan bagi mengelakkan lahir semangat perpaduan dan nasionalisme antara mereka.

## 6.2 KESAN POSITIF

### a. Perlembagaan

- Bahagian 1, Perkara 3 (1) – agama Islam sebagai agama Persekutuan/ rasmi negara, walaubagaimanapun agama lain juga bebas diamalkan di Malaysia.
- Raja/sultan bertindak sebagai ketua agama manakala Melaka, P.Pinang dan wilayah termasuk Sabah dan Sarawak ketua agama ialah YDPAgung.

### b. Dasar Pendidikan Negara

- Semua dasar pelajaran seperti Penyata Barnes, Penyata Fenn-Wu, Undang-undang Pelajaran 1952, Pernyata Razak, Pernyata Rahman Talib, Dasar pendidikan Kebangsaan dan lain-lain dasar berhubung isu pendidikan berperanan memupuk perpaduan.
- Ia bagi memastikan pengasingan yang wujud dalam sistem pendidikan sebelum ini dimansuhkan dan digantikan dengan sistem yang lebih seragam dan menyeluruh.
- Keseragaman lebih menjamin perpaduan rakyat.
- Peruntukan yang besar juga disediakan untuk perkembangan pendidikan di Sabah dan Sarawak.
- Ringkasan mengenai dasar-dasar pelajaran –

#### 1. Penyata Barnes

- Bentuk satu pelajaran bercorak kebangsaan
- Hanya ada jenis sekolah rendah iaitu sekolah kebangsaan yang menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar di sekolah rendah dan pengantar bahasa Inggeris di sekolah menengah

#### 2. Penyata Fenn-Wu.

- Lahir akibat tidakpuashati kaum.
- Sekolah Cina dikekalkan
- Bahasa Cina bahasa ketiga selain bahasa Melayu dan Inggeris
- Sekolah Cina dibenarkan diurus berasingan
- Sukatan pelajaran sekolah Cina bertumpu kepada Tanah Melayu.

#### 3. Ordinan Pelajaran 1952

- Dua jenis sekolah kebangsaan didirikan dengan bahasa Melayu dan Inggeris bahasa pengantar
- Sekolah vernakular Cina dan Tamil tidak termasuk dalam sistem pendidikan kebangsaan
- Para pelajar sekolah kebangsaan Melayu akan belajar bahasa Melayu bermula dari darjah tiga.
- Kemudahan disediakan untuk belajar bahasa Cina dan Tamil di sekolah Kebangsaan.

#### **4. Penyata Razak**

- Bertujuan
  - a. Bahasa Melayu bahasa kebangsaan.
  - b. Melahirkan perpaduan antara kaum
  - c. Sediakan sistem pengurusan pendidikan yang lebih cekap
- Cadangan :
  - a. 2 jenis sekolah rendah –
    - i. umum – bahasa Melayu pengantar
    - ii. jenis umum dengan bahasa Inggeris, Cina atau Tamil sebagai pengantar
  - b. Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris diwajibkan di semua sekolah.
  - c. 2 jenis sekolah menengah
    - i. SMK – bahasa Melayu pengantardan bahasa Inggeris wajib
    - ii. SM(j) Kebangsaan- bahasa Inggeris pengantar dan bahasa Melayu wajib
  - d. Satu sukatan pelajaran yang sama di semua sekolah rendah.
- Jadi asas penggubalan Undang-undang Pelajaran 1957 dan Dasar Pendidikan Kebangsaan 1961

#### **5. Penyata Rahman Talib.**

- Bahasa Melayu bahasa pengantar di sekolah dan U
- Pelajaran percuma
- Kelas peralihan untuk sekolah vernakular ke sekolah menengah aliran Melayu.
- Jemaah Nazie Persekutua diadakan untuk kawal mutu
- Pengenalan pelajaran vokasional.
  
- Menyemak dan baharui kurikulum seperti wajib pelajaran Tatarakyat untuk lahir sikap toleransi, kerjasama dan persefahaman kaum. Penekanana pelajaran Sejarah untuk lahir semangat patriotik dan setiakn negara
- Pembaharuan sukatan Ilmu alam.
- Membentuk rakyat supaya bangga dan hormati lambang kerajaan seperti bendera, lagu kebangsaan dll.

#### **6. Dasar Pendidikan Kebangsaan 1961**

- Matlamat utama untuk wujudkan persefahaman dan perpaduan rakyat.
- Antara strategi ;
  1. Guna satu kurikulum yang sama di semua sekolah
  2. Pengguna satu bahasa pengantar – BM di semua sekolah dan U
  3. Buku teks yang sama
  4. Perluaskan pendidikan vokasional dan teknikal.
  5. Sekolah rendah sistem KBSR – berdasarkan 3M
  6. sekolah menengah sistem KBSM
  7. Satu jadual waktu yang sama semua sekolah
  8. satu sistem peperiksaan yang sama.
  9. Sistem penggal persekolahan yang sama
  10. sistem peraturan dan pentadbiran yang sama.

#### **d. Dasar Intergrasi Nasional**

- Perpaduan dan intergrasi – perlaksanaan proses mewujudkan identiti nasional di kalangan kaum yang terpisah dari segi kebudayaan, sosial dan lokasi dalam sesebuah unit politik.

- Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat ditubuhkan pada 27 Oktober 1990 dengan objektif :
  1. Menggalakkan perpaduan masyarakat pelbagai kaum dan intergrasi nasional.
  2. Memberi bantuan khidmat masyarakat.
  3. Membangun dan mengintegrasikan masyarakat Orang Asli.
  4. Memajukan kepentingan dan pemnglibatan wanita dalam pembangunan negara.
  5. Menyelaras program kependudukan dan pembangunan negara.
- Untuk jayakan, beberapa jabatan ditubuhkan seperti Jabatan Kebajikan Masyaralkat Malaysia, Jabatan Perpaduan Negara, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, Jabatan Hal ehwal Wanita dan yayasan Kebajikan Negara.

**e. Bahasa Melayu sebagai alat perpaduan**

- Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara ( Perkara 152 ) – mesti digunakan untuk maksud-maksud rasmi.
- Terdapat juga kelonggaran bahasa-bahasa lain digunakan
- Sekarang termaktub dalam Akta bahasa kebangsaan 1963

**e. Perkembangan ilmu dan teknologi**